

## Fokus kejar Lailatulqadar, henti sebar khabar angin tarikh 1 Syawal

Noorazura Abdul Rahman  
am@hmetro.com.my

Alor Setar: Umat Islam diminta tidak berbalah dan mempercayai khabar angin mengenai spekulasi tarikh Hari Raya Aidilfitri yang dipercayai jatuh pada hari Jumaat depan (21 April).

Mufti Kedah, Datuk Syeikh Fadzil Awang berkata orang ramai juga dinasihatkan agar berhenti menyebarkan khabar yang belum sahih termasuk menjadikan pihak tertentu sebagai sumber maklumat.

"Jangan berbalah atau sebar mengenai spekulasi 1 Syawal sehingga merujuk kepada Pusat Astronomi Antarabangsa bahawa 1 Syawal akan jatuh pada hari Jumaat.

"Kita mempunyai 29 stesen cerapan untuk melihat anak bulan di seluruh Malaysia yang akan menentukan perkara ini.

"Berdasarkan perbincangan dengan semua sahabat-sahabat kita yang terbabit bahawa pada malam Jumaat (tarikh lihat anak bulan) itu kemungkinan untuk dapat lihat anak bulan sangat tipis dan tidak mencukupi kriteria yang diputuskan.

"Walau apa pun keputusannya akan diumumkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja pada malam itu setelah menerima laporan hasil cerapan," katanya ketika ditemui selepas hadir pada Majlis Perasmian Infaq Ayam Segar kepada Fakir dan Miskin di Pejabat Zakat Pokok Sena di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas tentang pengumuman Pusat Astronomi Antarabangsa yang berpangkalan di Emiriah Arab Bersatu (UEA), baru-baru ini yang menjangka 1 Syawal pada Jumaat 21 April ini.

Mengulas lanjut Fadzil berkata apa yang penting ketika ini umat Islam perlu fokus melakukan amal ibadat dan mengejar Lailatul Qadar pada 10 malam terakhir ini.

"Sepuluh malam Ramadan ini yang dinanti-nantikan berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, carilah nanti kedatangan Lailatulqadar pada 10 malam terakhir Ramadan.

"Malah baginda mempersingkatkan tempoh itu pada malam ganjil iaitu pada malam 21, 23, 25, 27 dan 29.

"Apabila datang masa yang disifatkan kemuncak Ramadan itu, kita sepatutnya melipatgandakan amal ibadat kita namun tiba-tiba kita lalai dan semakin menjauhkan diri daripada masjid.

"Mungkin kerana sibuk dengan persiapan hari raya atau sudah keletihan? Namun kita perlu meniru amalan Nabi Muhammad SAW yang melipat gandakan amalan sepanjang tempoh itu," katanya.

Disiarkan pada: April 11, 2023 @ 7:05pm